

# Ringgit: Tak ada cadangan untuk dinilai

SUBANG, Khamis — Kerajaan tidak bercadang menilai semula ringgit kita berikutan kemerosotan ekonomi negara akibat kemelesetan ekonomi dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, cara menilai semula ringgit untuk mengatasi kemerosotan ekonomi tidak boleh diterima dan lapuk dalam konteks ekonomi zaman ini.

Apa yang perlu, tegas beliau, mem-pertingkatkan pengeluaran negara dan setiap rakyat perlu bekerja kuat memastikan ekonomi bertambah baik.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian sebelum berlepas ke Jepun untuk bercuti seminggu.

Beliau diminta mengulas laporan yang menyebut ringgit Malaysia mungkin dinilai semula kerana kemerosotan ekonomi di negara ini.

## Keutamaan

Menilai semula mata wang tidak menguntungkan kerana kita membeli barang dari luar bertambah mahal manakala harga jualan barangan kita pula rendah.

"Ini sudah tentu memberi kesan terhadap pengeluaran negara," tegas beliau.

Namun demikian hutang-hutang di negara luar tetap dibayar mengikut jadual, katanya.

"Kerajaan tidak bercadang meminta pihak yang terlibat menanggungkan pembayaran tersebut," katanya.

Menurutnya lagi, projek-projek Rancangan Malaysia Keempat pula akan dilaksanakan

mengikut keutamaan dan pentingnya satu-satu projek itu.

"Sebarang projek tidak penting akan diketepikan dahulu atau pun dihapuskan sama sekali," tegas beliau.

Beliau menambah, ini termasuk peruntukan yang dikhaskan kepada ketenteraan.

"Mana-mana projek ketenteraan yang belum digunakan tidak begitu penting akan ditangguhkan pe-

laksanaannya atau pun dihapuskan sahaja rancangan tersebut.

"Projek Gong Kedah pula masih dalam penyelidikan sama ada perlu atau tidak dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat ini," jelas beliau.

Beliau telah pun mengarahkan Unit Perancang Ekonomi (EPU) mengkaji secara mendalam mengenai perkara tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau tidak bercadang menemui pemimpin-pemimpin Jepun semasa mengadakan lawatan peribadi ke negara tersebut.

Katanya, semasa di sana beliau mungkin bertemu ahli-ahli perniagaan Jepun yang berminat melabur di negara ini di samping mereka yang sudah mempunyai kepentingan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 2723  
No. Penerimaan ..... 469/85